

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dengan lebih jelas mengenai penggunaan Internet dalam proses pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kajian difokuskan kepada aspek persepsi, corak penggunaan, sumbangan dan masalah pengaksesan dan penggunaan Internet. Seramai 100 orang pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya daripada 4 bahagian utama di fakulti telah bertindak balas terhadap soal selidik tersebut. Data dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package Social Science*). Melalui kajian ini, didapati kebanyakan responden mempunyai persepsi yang positif dan baik terhadap Internet. Responden berpendapat bahawa Internet merupakan sumber rujukan, ilmu pengetahuan dan maklumat khususnya kepada pelajar-pelajar. Corak penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar API adalah berbentuk *leased line*. Aplikasi asas Internet yang gemar digunakan oleh responden ialah mel elektronik dan WWW (World Wide Web). Secara amnya, lokasi penggunaan Internet di kalangan responden adalah di makmal komputer di fakulti Akademi Pengajian Islam. Sumbangan Internet juga adalah positif dan membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka. Kajian juga mendapati bahawa majoriti pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya boleh mengakses dan menggunakan Internet tetapi masih terdapat 7% yang bermasalah dan tidak tahu untuk mengakses bahan di Internet. Masalah dan halangan utama yang dikenal pasti melalui kajian ini ialah bahan yang terdapat di Internet adalah terlalu banyak dan global. Selain itu, masalah bahasa juga di antara halangan yang dikenalpasti. Secara keseluruhannya, Internet merupakan medium yang penting dalam proses mencari bahan dan maklumat untuk tujuan pembelajaran tetapi ia masih belum digunakan secara maksimum oleh pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

ABSTRACT

This research is carried out to study the usage of Internet in the learning process amongst students of Akademi Pengajian Islam in Universiti Malaya. The research is focused on the aspects of perception, pattern of usage, contribution, access problems and Internet usage. About one hundred students of Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya from four departments in the faculty have responded to the survey. The data was analyzed by using SPSS (Statistical Package Social Science) software. The result of the survey shows that most respondents have positive perceptions towards Internet. They found Internet is a source of reference, knowledge and information especially for students. The usage pattern of Internet amongst Akademi Pengajian Islam is of leased line. Their favourite basic applications of Internet are e-mail and World Wide Web (WWW), and they mostly use the computer labs in the Akademi Pengajian Islam faculty. Contribution of Internet is also positive and helps students in their learning. From this survey, it is also found that majority of the Akademi Pengajian Islam students could access and use the Internet but there were still seven per cent of them who are still left behind. This is because there are too many resources available on the net and students often encounter problems of choosing the best ones. Language barrier is also identified as one of the main reasons. In general, the Internet is a very useful medium for learning and research purposes but it has not been fully utilized by the Akademi Pengajian Islam students in Universiti Malaya.